



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) KEDAH**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010**

---

---

**SEJARAH**

**Satu jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat cadangan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan **hitamkan** pilihan anda yang baru.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 22 halaman bercetak.**


### CIRI-CIRI SEJARAH

- Tepat dan benar
- Penting dan bermakna
- X

1 Apakah X ?

- A Kesan dan pengajaran
- B Dahulu dan sekarang
- C Mitos dan legenda
- D Sebab dan akibat

Alat repihan Zaman Paleolitik di Malaysia




2 Apakah fungsi repihan di atas?

- I Menetak
  - II Memburu
  - III Memotong
  - IV Meraut
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

Gunung Jerai amat penting kepada kerajaan Kedah Tua.

3 Apakah kepentingannya?

- A Kaya hasil hutan
- B Kubu pertahanan
- C Pusat keagamaan
- D Panduan pedagang



4 Di manakah tempat yang dimaksudkan?

- A Langkasuka
- B Kedah Tua
- C Temasik
- D Melaka


**Penduduk Melaka Awal Abad ke-15**

- Orang Melayu
- Orang Laut
- Orang Asli

5 Apakah peranan Orang Asli terhadap kemajuan perdagangan di Melaka?

- A Pembekal hasil hutan
- B Pengangkut barang
- C Pengawal pantai
- D Pemungut cukai

Istana Sebagai Pusat Intelektual Islam di Melaka



6 Apakah bukti istana Melaka sebagai pusat intelektual Islam?

- I Penulisan Sejarah Melayu
- II Pengumpulan cerita-cerita panji
- III Penghasilan karya terjemahan
- IV Pembahasan kitab Darul Manzum
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Petikan surat Raja Ryukyu kepada Sultan Melaka

*Pada tahun lepas, seorang daripada orang kami sengaja menyalahi undang-undang anda dan berkelakuan jahat..... Sekiranya pada masa depan utusan-utusan kami tidak menghormati peraturan-peraturan kelakuan yang normal, kami meminta anda melaporkannya kepada kami; kami akan menghukum mereka.....*


7 Apakah kesimpulan daripada petikan surat di atas?

- A Ketegasan undang-undang di Melaka
- B Kedaulatan Melaka dihormati
- C Raja Ryukyu memohon maaf
- D Persengketaan perdagangan

Tarikh	: 25 Julai 1511
Peristiwa	: Portugis berjaya menawan jambatan Sungai Melaka
Punca	: Si Kitol telah memberi maklumat kekuatan pertahanan Melaka kepada Portugis.

8 Apakah pengajaran daripada peristiwa di atas?

- I Askar upahan pentingkan diri
  - II Pembelot memusnahkan negara
  - III Kekuatan tentera tonggak pertahanan
  - IV Berwaspada dengan penduduk tempatan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV



9 Persengketaan kuasa di atas berlaku selama seratus tahun pada abad ke-17.

Apakah nama persengketaan tersebut?

- A Perang Tiga Segi
- B Kebangkitan Acheh
- C Perang Johor- Jambi
- D Perang Johor- Portugis

- Hikayat Merong Mahawangsa
- Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah

10 Apakah persamaan kandungan kedua-dua sumber di atas?

- A Sultan Muzaffar Shah raja pertama memeluk Islam
- B Kota Palas pusat pentadbiran Kedah
- C Perlis sebahagian daripada Kedah
- D Raja Kedah berasal dari Parsi


**Amalan Berderau Dalam Masyarakat Tradisional**

- Majlis perkahwinan
- Bersawah padi

11 Apakah nilai yang diperolehi daripada amalan tersebut?


- I Hormat-menghormati
  - II Kunjung-mengunjungi
  - III Mengerat silaturahim
  - IV Bekerjasama
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

Duit Timah Berbentuk Ayam



12 Di manakah mata wang tersebut digunakan?

- A Perlis
- B Kedah
- C Melaka
- D Terengganu



13 Apakah nama pokok tersebut?

- A Depu
- B Gambir
- C Sagu
- D Temusu

Tarian ini ditarikan semasa Hari Magavau di Sabah. Diiringi paluan gong dan ditarikan oleh sepasang penari dengan menggunakan alu.

14 Apakah nama tarian tersebut?

- A Limbai
- B Sumazau
- C Magunatip
- D Mangalang

Tokoh X	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat mengambil berat tentang keamanan dan keselamatan negeri.</li> <li>• Baginda menyamar sebagai rakyat biasa untuk membanteras jenayah.</li> </ul>
---------	---


15 Siapakah tokoh X?

- A Sultan Mudzaffar Shah
- B Sultan Mansur Shah
- C Sultan Alauddin Riayat Shah
- D Sultan Mahmud Shah

Tahun	Peristiwa
1819	Pembukaan Singapura
1824	Perjanjian Inggeris- Belanda
1826	Penubuhan Negeri-Negeri Selat

16 Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ke atas Tanah Melayu?

- A Perkembangan perusahaan bijih timah
- B Kemasukan budaya luar
- C Perluasan kuasa British
- D Kedatangan buruh asing



17 Dialog di atas mungkin berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1819.

Mengapakah Stamford Raffles ingin mengambil Singapura?

- A Mengawal kegiatan lanun
- B Menjadikan pangkalan tentera
- C Mempertahankan empayar British
- D Memecah monopoli perdagangan Belanda




- 18 Gambar di atas ialah gambaran pelukis menunjukkan Sultan Abdullah dan Francis Light menandatangani Perjanjian Inggeris-Kedah 1786.

Apakah syarat yang dikenakan oleh Sultan Kedah kepada SHTI dalam perjanjian tersebut?

- I Kedah akan mendapat bantuan tentera
- II British tidak melindungi musuh Kedah
- III Kedah boleh membuat tuntutan kerugian
- IV British bebas mengawal pelabuhan Kedah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Peta 1 : Negeri-Negeri Melayu Bersekutu



- 19 Mengapakah British menguasai negeri-negeri tersebut?

- A Kedudukan yang strategik
- B Keperluan bahan mentah
- C Permintaan sultan
- D Perang saudara

PERISTIWA	TEMPAT
DURBAR 1903	KUALA LUMPUR

20 Apakah perkara yang dibangkitkan dalam Durbar tersebut?

- A Memajukan perdagangan
- B Memajukan orang Melayu
- C Memansuhkan Sistem Residen
- D Mengembalikan kuasa sultan

TAHUN	PERISTIWA
1873	Kapal dagang British dirompak berdekatan Langat
1874	Serangan ke atas rumah api di Tanjung Rachado

21 Apakah kesan peristiwa tersebut ke atas Selangor?

- A Perang Kelang
- B Penerimaan Residen
- C Perebutan sempadan
- D Perdagangan tergugat

British menandatangani Perjanjian Bangkok 1909 dengan Siam.

22 Apakah faktor yang mendorong perjanjian tersebut?

- A Perebutan kuasa
- B Kekayaan hasil bumi
- C Permintaan pembesar
- D Kebimbangan imperialis baru

NEGERI	TAHUN MENERIMA PENASIHAT
Kedah	1910
Perlis	1910
Kelantan	1910
Terengganu	1910
Johor	1914

23 Mengapakah Johor merupakan negeri terakhir menerima Penasihat British?

- A Pembangunan
- B Ekonomi mantap
- C Perpaduan rakyat
- D Pemerintahan berwibawa

Tunku Mahmud telah melakukan beberapa usaha untuk mengekalkan identiti negeri

24 Apakah usaha yang telah dilakukan oleh baginda?

- I Cuti umum pada hari Ahad
  - II Penggunaan kalendar Hijrah
  - III Surat rasmi tidak perlu ditapis
  - IV Bahasa Inggeris dalam perundangan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

Orang Melayu dan Bidayuh menentang Pangeran Indera Mahkota di Sarawak pada pertengahan kurun ke-19.

25 Mengapakah berlakunya penentangan tersebut?

- I Kerahan tenaga
  - II Hak melombong emas
  - III Peningkatan sewa tanah
  - IV Kehilangan kuasa pembesar
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

- Datu Patinggi
- Datu Bandar
- Datu Temenggung

26 Apakah tanggungjawab pembesar di atas dalam pentadbiran Brooke di Sarawak?

- A Memastikan taat setia penduduk
- B Memelihara pentadbiran tradisional
- C Menggubal undang-undang
- D Menasihati Brooke

**Perubahan di bawah Pemerintahan Keluarga Brooke**

- Perkembangan ekonomi
- Pertambahan penduduk


27 Apakah kesan daripada perubahan tersebut ke atas Sarawak?

- A Pengenalan ekonomi baru
- B Peningkatan taraf hidup
- C Pertambahan kekayaan
- D Pembangunan bandar

Pada akhir abad ke-19, ramai buruh dari Indonesia dan Filipina dibawa masuk ke Sabah oleh SBUB.


28 Apakah sektor pekerjaan yang mereka terlibat?

- A Pertanian
- B Penternakan
- C Pembalakan
- D Perlombongan



29 Apakah tugas Hakim Mahkamah Anak Negeri?

- I Mengendalikan kes sivil
  - II Mengendalikan undang-undang Barat
  - III Mengendalikan kes-kes peribumi
  - IV Mengendalikan hukum adat
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV



30 Apakah kesan kenaikan harga terhadap perusahaan getah di Tanah Melayu?

- A Penciptaan kaedah torehan
- B Penubuhan Institut Penyelidikan Getah
- C Pembukaan kawasan baru tanaman getah
- D Pembinaan kilang memproses getah

TAHUN	PERKEMBANGAN JALAN KERETA API
1885	Taiping ke Port Weld
1891	Seremban ke Port Dickson

31 Apakah kesan perkembangan pengangkutan kereta api terhadap kemajuan ekonomi Tanah Melayu?

- I Mudah mengimport makanan
  - II Menggalakkan perkembangan pertanian
  - III Mempercepat penghantaran hasil ke pelabuhan
  - IV Menarik kemasukan pelabur
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

Tarikh : 28 April 1915  
 Peristiwa : Sarjan Che Wan diarahkan menangkap Tok Janggut.

32 Mengapakah Tok Janggut ditangkap?

- A Membuka tanah baru
- B Gagal membayar cukai
- C Membunuh pegawai British
- D Ingin menguasai Pasir Puteh

Tahun 1922 – 1928:  
 Kebangkitan Tani di Terengganu

33 Antara berikut, apakah berkaitan dengan Kebangkitan Tani di Terengganu?

- I Tanah itu hak Allah
  - II Ramai pemimpin terbunuh
  - III Kuatkuasa undang-undang sivil
  - IV Pemimpin agama tunggak utama
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

**HIDUP BAHASA HIDUP BANGSA**

- 34 Pernyataan di atas merujuk kepada cogan kata sebuah persatuan dalam akhbar **Saudara**.

Apakah persatuan tersebut?

- A Kesatuan Melayu Muda
- B Persatuan Melayu Selangor
- C Persatuan Melayu Singapura
- D Persaudaraan Sahabat Pena Malaya

- Al-Imam
- Al-Ikhwan
- Neracha

- 35 Akhbar dan majalah di atas berperanan memperjuangkan kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu.

Apakah persamaan akhbar dan majalah tersebut?

- I Penulisnya berpendidikan Timur Tengah
- II Memuatkan idea Gerakan Islah
- III Artikel mengkritik kerajaan
- IV Menentang Kaum Muda

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV



- 36 Apakah peranan akhbar di atas semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

- A Menyebarkan propaganda Jepun
- B Meningkatkan ekonomi penduduk
- C Menyemarakkan idea Indonesia Raya
- D Mengembangkan pengaruh FORCE 136

**PENTADBIRAN TENTERA JEPUN**

- Sabah, Sarawak dan Brunei digabungkan
- Dikenali sebagai Borneo Utara
- Kuching menjadi pusat pentadbiran

37 Siapakah yang menjadi ketua pentadbiran di Borneo Utara?

- A Residen
- B Gabenor
- C Gabenor General
- D Pengarah Agung

Kemerosotan ekonomi Tanah Melayu menyebabkan Jepun melaksanakan ekonomi kawalan.

38 Apakah kesan daripada ekonomi kawalan oleh Jepun?

- I Perdagangan antarabangsa terhenti
  - II Amalan rasuah berleluasa
  - III Pasaran gelap berlaku
  - IV Inflasi dihapuskan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

**PERTUBUHAN YANG MENYOKONG MALAYAN UNION**

- PKMM
- API
- AWAS
- BATAS

39 Apakah alasan pertubuhan di atas menyokong Malayan Union?

- I Kerakyatan terbuka
  - II Ketuanan Melayu dikekalkan
  - III Raja-raja Melayu telah bersetuju
  - IV Pentadbiran agama Islam disatukan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

TARIKH : 25 Julai 1946  
 TEMPAT : Kings's House, Kuala Lumpur  
 TETAMU : - Pegawai Kanan British  
 - Wakil Raja-raja Melayu  
 - Wakil UMNO

40 Apakah hasil pertemuan tersebut?

- A Kongres UMNO diadakan
- B Malayan Union dilaksanakan
- C Rundingan kemerdekaan dimulakan
- D Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

Pentadbiran Malayan Union akan mengubah status Tanah Melayu menjadi Tanah Jajahan Mahkota.

41 Apakah maksud Tanah Jajahan Mahkota?

- A Negeri yang diperintah oleh British secara langsung
- B Negeri yang melaksanakan sistem Residen
- C Negeri yang dilindungi oleh British
- D Negeri yang mengamalkan jus soli

Antara tujuan Malayan Union ditubuhkan adalah untuk menjimatkan perbelanjaan pentadbiran British.

42 Bagaimanakah British dapat menjimatkan perbelanjaan pentadbiran?

- A Menyatukan pentadbiran
- B Mengukuhkan pertahanan British
- C Menjamin terus penguasaan British
- D Memastikan sumbangan golongan imigran

PERANG SARAF

PROGRAM X

43 Apakah program X?

- I Memperkenalkan kad pengenalan
  - II Menyekat bekal makanan
  - III Mengadakan kempen
  - IV Mengedar risalah
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

SEKOLAH LATIHAN KHAS 101

44 Apakah kepentingan sekolah tersebut kepada PKM?

- I Ibu pejabat MRLA
  - II Markas pasukan gerila
  - III Melatih taktik peperangan
  - IV Tempat penubuhan PKM
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

**PERTEMUAN BALING**

Chin Peng : PKM harus diakui sebagai parti politik yang sah  
 Tunku Abdul Rahman : PKM tidak sesuai dengan masyarakat di Tanah Melayu

45 Berdasarkan dialog di atas, apakah sikap yang ditunjukkan oleh Tunku Abdul Rahman?

- A Bertimbang rasa
- B Tegak pendirian
- C Bertolak ansur
- D Kerjasama

*Tong Seng, nasib baik kamu masuk sekolah kebangsaan! Dapat kita berkomunikasi dengan baik.*



*Betullah Kumari. Tak sia-sia kerajaan membuka sekolah kebangsaan. Kita dapat hidup aman damai.*


46 Apakah kesimpulan yang diperolehi daripada dialog di atas?

- A Pendidikan sebagai alat perpaduan
- B Komunikasi memerlukan kemahiran
- C Sekolah vernakular perlu diperbanyak
- D Kepelbagaian bahasa menyatukan penduduk

Pada tahun 1951, syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu dan negeri telah dilonggarkan.

47. Apakah pertukaran kepada kelonggaran syarat kerakyatan tersebut?
- A Penubuhan CLC
  - B Penubuhan RIDA
  - C Pilihan raya diadakan
  - D Penubuhan parti Perikatan
48. Apakah prasyarat yang ditetapkan oleh British sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan?
- A Kerjasama kaum
  - B Gabungan parti politik
  - C Kerjasama dengan British
  - D Menolak fahaman komunis

**Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955**



49. Apakah simbol hak mengundi dalam pilihan raya?
- A Kesopanan
  - B Kedaulatan
  - C Kesusilaan
  - D Keluhuran

Suruhanjaya Reid telah menerima sebanyak 131 memorandum daripada pelbagai pihak bagi membentuk perlembagaan.

50. Apakah kesimpulannya?
- A Mempercepat kemerdekaan
  - B Kepekaan pelbagai pihak
  - C Perkongsian kuasa
  - D Kerakyatan jus soli

Pembentukan sebuah parlimen mempunyai dua buah dewan merupakan fasal penting dalam Perlembagaan Merdeka

51 Apakah dewan tersebut ?

- I Dewan Negara
  - II Dewan Rakyat
  - III Dewan Merdeka
  - IV Dewan Undangan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Peristiwa : Tamatnya Penjajahan British  
 Tarikh : 30 Ogos 1957  
 Masa : 12.00 tengah malam  
 Tempat : Padang Kelab Selangor  
 Acara Simbolik : X

52 Apakah X?

- A Penurunan bendera Union Jack
- B Pertunjukan bunga api
- C Tembakan meriam
- D Penyerahan senjata

Anggota X	
Wakil Parti Perikatan	Wakil Raja-raja Melayu
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunku Abdul Rahman</li> <li>• Tun Dr. Ismail</li> <li>• Tun H.S. Lee</li> <li>• Tun Abdul Razak Hussein</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dato' Panglima Bukit Gantang</li> <li>• Abdul Aziz Osman</li> <li>• Dato' Mohd Seth</li> <li>• Dato' Nik Ahmed Kamil</li> </ul>

53 Apakah X?

- A Suruhanjaya Reid
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Rombongan Merdeka
- D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

Charles Vyner Brooke : Umur saya sudah lanjut, saya semakin uzur.  
Beban kewangan semakin gawat.  
Apa yang harus saya lakukan?

54 Bagaimanakah Charles Vyner Brooke menyelesaikan masalah tersebut?

- A Melantik Anthony Brooke sebagai pewaris
- B Menyerahkan Sarawak kepada British
- C Meminjam wang daripada British
- D Menarik pelabur asing

**PEKELILING NO.9**

... memberi amaran kepada kakitangan kerajaan supaya tidak melibatkan diri dalam gerakan antipenyERAHAN.

55 Pernyataan di atas merujuk kepada satu arahan yang dikeluarkan oleh British. Apakah reaksi kakitangan kerajaan di Sarawak terhadap pekeling tersebut?

- A Meletak jawatan
- B Mengadakan demonstrasi
- C Menyokong kerajaan British
- D Melemahkan semangat antipenyERAHAN

- Memperjuangkan hak istimewa penduduk bumiputera
- Menuntut Bahasa Melayu dijadikan bahasa Kebangsaan

56 Parti manakah yang memperjuangkan perkara di atas ?

- A Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu
- B Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu
- C Parti Demokratik
- D Pasok Momogun

**Langkah-langkah ke arah berkerajaan sendiri di Sabah**

Tahun	Langkah
1950	Pengenalan perlembagaan
1952	Pilihan Raya Majlis Tempatan
1960	Pindaan perlembagaan
1962	X

57 Apakah langkah X ?

- A Penubuhan Majlis Kerja
- B Penubuhan Majlis Undangan
- C Pilihan Raya Majlis Bandaran
- D Pilihan Raya Majlis Undangan

**Pendirian Parti-parti Politik di Sarawak  
Terhadap Gagasan Malaysia**

Parti Politik	Pendirian	
	Awal	Akhir
PANAS	Menentang	Menyokong
SNAP	Menentang	Menyokong

58 Mengapakah berlakunya perubahan pendirian tersebut?

- I Desakan British
  - II Sokongan Rosli Dhobi
  - III Penjelasan Tunku Abdul Rahman
  - IV Peranan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

**SURUHANJAYA PBB**

59 Suruhanjaya tersebut dibentuk atas permintaan

- I Indonesia
- II Filipina
- III Brunei
- IV PBB

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Tarikh	: 27 Mei 1961
Tempat	: Hotel Adelphi, Singapura
Peristiwa	: Persidangan Persatuan Wartawan-wartawan Luar Negara Asia Tenggara
Tujuan	: Idea penubuhan Persekutuan Malaysia

60 Apakah faktor yang mendorong Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea tersebut?

- I Ancaman komunis
- II Mempercepat kemerdekaan
- III Menyeragamkan pentadbiran
- IV Tuntutan Filipina ke atas Sabah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2010  
PKPSM (MALAYSIA) KEDAH

JAWAPAN MATA PELAJARAN SEJARAH

JAWAPAN			JADUAL SPESIFIKASI UJIAN		
Soalan	Jawapan	Halaman	Pengetahuan	Pemahaman	Nilai
1	D	5,6,7,8	/		
2	C	23	/		
3	D	41	/		
4	D	49	/		
5	A	52	/		
6	C	79	/		
7	B	71	/		
8	B	96			/
9	A	107	/		
10	A	124		/	
11	C	163			/
12	B	156	/		
13	C	188	/		
14	C	198	/		
15	C	83	/		
16	C	15 - 21		/	
17	D	14	/		
18	A	7 (Tkn 2)	/		
19	B	29		/	
20	D	48	/		
21	B	39	/		
22	D	55 - 57		/	
23	D	63	/		
24	B	59	/		
25	D	76 - 77	/		
26	D	83	/		
27	D	92	/		
28	C	113	/		
29	C	108	/		
30	C	131	/		
31	C	146	/		
32	B	188	/		
33	D	191	/		
34	D	215	/		
35	A	203	/		
36	A	29 (Tkn 3)		/	
37	C	16	/		
38	B	33	/		
39	D	53	/		
40	D	75	/		
41	A	50	/		
42	A	49	/		
43	C	98 -99	/		

44	B	89	/		
45	B	107			/
46	A	126		/	
47	B	134	/		
48	A	130	/		
49	B	139			/
50	B	154		/	
51	A	157	/		
52	A	161			/
53	C	148	/		
54	B	175	/		
55	A	181	/		
56	B	191	/		
57	D	190	/		
58	D	211	/		
59	A	214	/		
60	A	205	/		
JUMLAH			48	7	5

ANALISIS JAWAPAN

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS
A	15	25%
B	15	25%
C	14	23.30%
D	16	26.70%
JUMLAH	60	100

ANALISIS JADUAL SPESIFIKASI UJIAN

JSU	JUMLAH SOALAN	PERATUS
PENGETAHUAN	48	80.00
PEMAHAMAN	7	11.62
NILAI	5	8.38